

Pemaju tanam dua kali ganda pokok ditebang

SELAYANG - Sebanyak 193 pokok yang ditebang untuk memberi laluan projek pelebaran jalan di Jalan Bukit Anak Tukun Templer akan digantikan dengan 386 pokok baharu oleh pemaju.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Shamsul Shahril Badliza Mohd Nor berkata, penanaman semula itu disyaratkan kepada pemaju bagi membolehkan pelebaran jalan dari dua lorong kepada empat lorong itu dilakukan.

Menurutnya, pemotongan pokok itu tidak dapat dielakkan atas faktor tuntutan pembangunan yang memerlukan pelebaran jalan dibuat.

"Aduan pokok ini diterima daripada penduduk pada tahun 2018. Sebanyak 262 pokok di kawasan itu dan daripada jumlah itu, 193 pokok ditebang, 65 pokok yang kekal.

"MPS menetapkan pembinaan akses jalan dalam syarat pembangunan. Projek perumahan itu baru di fasa satu dijangka penanaman semula itu akan dilakukan selepas sijil perakuan siap dan pematuhan (CCC) dikeluarkan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan



Beberapa bahagian jalan ditutup bagi kerja pelebaran di Jalan Bukit Anak Tukun Templer.



**SHAMSUL SHAHRIL
BADLIZA**

Mesyuarat Penuh Bulanan MPS di bangunan MPS di sini kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas aduan awam yang mempersoalkan penebangan pokok berusia lebih 30 tahun di kawasan itu bagi memberi laluan projek pelebaran jalan.

Menurut laporan *The Star* kelmarin, Pengerusi Gabungan Persatuan Penduduk Taman Templer, Datuk Mukhtar Ismail memaklumkan MPS dalam satu mesyuarat pada 2018 bersetuju hanya 40 pokok akan ditebang.

"Namun sehingga Disember 2019, kira-kira 50 pokok telah ditebang di jalan sepanjang 1.5 kilometer itu," menurut kenyataan itu.